

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1993/94

April 1994

HIT 202 Kesenian Di Dalam Islam

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DI DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab TIGA [3] soalan. DUA [2] soalan daripada Bahagian A dan SATU [1] soalan daripada Bahagian B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Menurut Pitrim Sorokin terdapat kesenian "sensate" dan kesenian "ideational". Dengan didasari hujah yang bertitik tolak dari aqidah yang menjadi intipati ajaran Islam,uraikan kedudukan kesenian menurut perspektif Islam dalam pembahagian Sorokin itu serta jelaskan teknik-teknik yang lazim diterapkan ke dalamnya.
2. Bincangkan secara kritis persoalan seni bunyi yang dibahaskan di dalam salah satu sumber berikut:
  - (a) Buku bertajuk Bagaimana Islam Melihat Kesenian oleh Panitia Khusus, Majlis 'Ulama Daerah Istimewa Aceh.
  - (b) Makalah bertajuk "The Shari'ah On Music and Musicians", oleh Lois Lamya al-Faruqi.
  - (c) Buku bertajuk Hukum Seni Muzik/Suara dan Seni Tari Dalam Islam, oleh H.M. Thoha Yahya Omar.
3. Tulis satu cadangan membina dan terarah yang ditujukan kepada pihak berkenaan bertujuan mencadangkan supaya dilakukan perbaikan dan pengubahsuaian dalam dasar dan kegiatan seni budaya di Malaysia umumnya dan program-program hiburan dalam media elektronik khususnya.

**BAHAGIAN B - Jawab SATU [1] soalan**

4. (a) Jelaskan ciri-ciri rekabentuk model-model senibina yang dibangunkan pada zaman Nabi Muhammad s.a.w..  
(b) Mengapakah model-model itu bersifat dan berekabentuk sedemikian?
  
5. (a) Apakah ditel-ditel rekabentuk yang selalunya terdapat di dalam dan di luar masjid?  
(b) Apakah perbezaan-perbezaan yang terdapat pada masjid-masjid yang dibina di wilayah-wilayah yang berbeza (sebutkan nama-nama wilayah, zaman atau gaya rekabentuk yang dibincangkan?)

-oooooooo-